

Nepotisme dan kronisme berleluasa jika Anwar jadi PM – Dr Mahathir
ABN News
25 February 2013

KUALA LUMPUR – Amalan nepotisme dan kronisme akan berleluasa sekiranya Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri, kata mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya ia terbukti semasa Anwar memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan apabila beliau didakwa memberi kontrak kepada penyokong politik dan keluarganya.

"Jika ia jadi Perdana Menteri sudah tentu Kabinet akan diisi dengan keluarga dan kawannya sebagai Menteri. Mudahlah nak buat apa pun," kata Dr Mahathir dalam blog beliau chedet.cc.blog.

Ujar beliau Kementerian Kewangan telah mempamerkan semasa mesyuarat agong UMNO dahulu senarai orang yang mendapat kontrak semasa Anwar berkuasa.

"Terdapat dalam senarai nama-nama penyokongnya dan keluarganya. Tidak ada satupun dari anak saya yang tersenarai," katanya.

Semasa beliau menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, katanya tidak ada satu pun daripada anak beliau yang mendapat tempat dalam Kerajaan atau dalam parti.

"Beberapa kali nama mereka di calon tapi saya tidak benar sehingga saya bersara. Juga tidak ada kontrak Kerajaan yang terdapat oleh mereka.

"Jika mereka berjaya samada dalam perniagaan atau politik, ini adalah atas usaha mereka sendiri. Dan ini semua berlaku selepas saya letak jawatan Perdana Menteri," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata Anwar, apabila menubuh partinya, melantik Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Presiden dan memilih isterinya itu sebagai calon di Permatang Pauh.

Kemudian, katanya Anwar sendiri yang menyuruh isterinya lepas kawasan untuk ditandingi olehnya.

"Tidak ada bukti adanya pertandingan untuk jawatan penasihat parti yang disandang olehnya. Dia juga yang memilih anaknya untuk menjadi calon dalam pilihanraya.

"Sekarang isterinya jadi presiden parti dan anaknya jadi naib presiden parti. Kawannya juga jadi timbalan. Parti Keadilan adalah milik Anwar Ibrahim," katanya.

Menjawab tuduhan Anwar tentang beliau terlibat dalam pemberian kontrak Petronas kepada anaknya, Dr Mahathir berkata : " Bagi Anwar inilah yang biasa dilakukan olehnya jika ia berkuasa."

Ujar beliau semasa menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak ada satu pun daripada anaknya yang mendapat tempat dalam Kerajaan atau dalam parti.

"Beberapa kali nama mereka di calon tapi saya tidak benar sehingga saya bersara. Juga tidak

ada kontrak Kerajaan yang terdapat oleh mereka.

“Jika mereka berjaya samada dalam perniagaan atau politik, ini adalah atas usaha mereka sendiri. Dan ini semua berlaku selepas saya letak jawatan Perdana Menteri.”

Katanya Petronas tidak memberi peluang kepada anak saya sahaja apabila beliau menjadi penasihatnya.

“Orang lain juga mendapat peluang jika mereka ada kemampuan. Sebenarnya tidak ada kontrak yang diberi Petronas kepada anak saya sehinggalah perusahaannya maju kerana kerja-kerja yang diberi oleh pihak lain.”

“Semasa saya jadi Perdana Menteri pun saya tidak memberi apa-apa bantuan kepada anak-anak saya.”

Berkenaan dengan kontrak yang baru yang diberi kepadanya, Dr Mahathir berkata beliau sama sekali tidak terlibat dengan keputusan yang dibuat dan Presiden Petronas cuma memberitahunya selepas kontrak diberi.

“Jika anak dan isteri Anwar boleh menjadi politikus, apakah anak saya tak boleh berniaga sendiri tanpa difitnah oleh Anwar? Dah tak ada modal politik dah ke?” katanya.

Dr Mahathir juga mencabar Anwar untuk bersumpah sekiranya beliau tidak melakukan jenayah liwat seperti didakwa.

“Berani kerana benar, takut kerana salah – demikian pepatah Melayu,” tambahnya.

© 2013 Asian Broadcasting Network (M) Sdn Bhd (514935-T). All Rights Reserved.

Source: <http://news.abnxcross.com/bm/2013/02/nepotisme-dan-kronisme-berleluasa-jika-anwar-jadi-pm-dr-mahathir/>